

# **KESESUAIAN KURSUS KEMAHIRAN ASAS DI IKM NEGERI KEDAH TERHADAP KEPERLUAN PEKERJAAN DALAM SEKTOR INDUSTRI**

Yahya Bin Buntat & Mohd Sukri Bin Mohd Salleh  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian kursus yang ditawarkan di IKM dalam menyediakan kemahiran asas bagi membantu para pelatih di Negeri Kedah dalam mendapatkan pekerjaan di industri selepas mengikuti kursus kemahiran. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen yang berbentuk data-data dan maklumat yang diperolehi dari IKM Negeri Kedah. Kajian hanya menggunakan data dan maklumat dari tempat kajian dan diproses dengan kaedah analisis dokumen secara manual. Hasil kajian ini mendapati bahawa kursus dan latihan kemahiran yang ditawarkan di IKM adalah bersesuaian dan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada para belia bumiputera selepas tamat mengikuti kursus yang dijalankan. Kebanyakan kursus dan latihan yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan kehendak industri dan pekerjaan masa kini. Pelatih lepasan SPM/SPMV dan GIAT MARA turut mendapatkan latihan dan kemahiran bagi meningkatkan prestasi kerjaya. Didapati juga para pelatih yang telah menamatkan kursus berjaya menempatkan diri di sektor awam dan swasta terutamanya di sektor perkilangan, permotoran dan lain-lain industri yang berkaitan. Selain daripada itu, aspek latihan yang diikuti oleh belia di IKM dapat memenuhi kehendak pekerjaan. Bagi memantapkan lagi tahap profesionalisme adalah disarankan agar perhubungan yang baik dapat dijalin antara pihak IKM dengan pihak industri dalam meningkatkan taraf kursus yang dijalankan.

**ABSTRACT:** The purpose of this study is to know the suitability course offered in IKM in providing basic skill for helping trainees from Kedah in getting job opportunities after following the skill courses. For the study, the researcher used instruments in the form of data and information acquired from IKM in Kedah. The study sample was not used in this study because the researcher only used data and information from the place of study and they were processed manually using the document analysis method. The finding of the study shows that the courses and training offered by the IKM were able to provide job opportunities to the trainees after completing the courses. Most of the courses and training offered were relevant with the needs of industry and jobs nowadays. Trainees with SPM/SPMV and GIAT MARA are currently require training and skills in order to upgrade their career performance. It was found that the trainees who have completed the courses were able to find jobs in public and private sectors especially in manufacturing, automotive and other related industries. Besides that, the training followed by the trainees at the IKM fulfilled the needs of the jobs. In order to strengthen the level of professionalism, it is suggested that good relationships should be formed between the IKM and industry in order to develop the prestige of the course.

Katakunci: IKM, Giat Mara, SPM, SPMV

## **PENGENALAN**

Institut Kemahiran Mara (IKM) ditubuhkan pada tahun 1968 turut memainkan peranan bagi mendukung wawasan negara. Asalnya dikenali sebagai "Sekolah Tukang" iaitu pusat latihan yang melahirkan tukang membuat sesuatu. Institut Kemahiran Mara telah berkembang mengikut peredaran zaman. Selaras dengan perkembangan di dalam dunia pendidikan yang diterajui oleh perkembangan ekonomi berasaskan teknologi.

Institut Kemahiran Mara juga ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat bumiputera untuk mempelajari pelbagai disiplin ilmu kemahiran ketukangan khususnya yang berkait rapat dengan aspek perdagangan dan perindustrian dalam jangka masa 12 hingga 36 bulan iaitu kursus pengajian yang membawa kepada penganugerahan sijil mengikut bidang kursus.

### **Penyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesesuaian kursus kemahiran asas di IKM Negeri Kedah terhadap keperluan pekerjaan dalam sektor industri. Kajian ini meliputi jenis-jenis kursus atau kursus yang ditawarkan, golongan yang terlibat, prospek kerjaya para pelatih setelah tamat latihan dan aspek latihan kemahiran asas yang disediakan kepada pelatih.

### **Objektif kajian**

Objektif kajian adalah mengenai kesesuaian kursus kemahiran asas di IKM Negeri Kedah terhadap keperluan pekerjaan dalam sektor industri adalah seperti berikut :

- i. Menenalpasti jenis kursus kemahiran yang ditawarkan di Institut Kemahiran Mara yang dipilih di Negeri Kedah.
- ii. Menenalpasti golongan yang terlibat dalam kursus kemahiran yang ditawarkan di Institut Kemahiran Mara yang dipilih di Negeri Kedah.
- iii. Menenalpasti kursus kemahiran yang ditawarkan mempunyai prospek kerjaya di sektor industri.
- iv. Menenalpasti latihan kemahiran asas yang didedahkan kepada pelatih di Institut Kemahiran Mara memenuhi kehendak sektor industri.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini diharapkan akan dapat :-

- i) Membantu memperjelaskan jenis-jenis kursus kemahiran yang ditawarkan di Institut Kemahiran Mara (IKM) dalam memenuhi kehendak pihak industri.
- ii) Memberi gambaran maklumbalas terhadap permintaan dan sambutan terhadap kursus dan kemahiran yang ditawarkan oleh institut kemahiran
- iii) Membantu pihak berwajib mendapat maklumbalas sebenar berkaitan hubungan kemahiran yang disediakan dengan keperluan pihak industri masa kini.
- iv) Mengupas kepentingan kursus yang ditawarkan oleh pusat kemahiran dalam memenuhi keperluan pihak industri
- v) Mengubah persepsi umum terhadap peluang dan ruang dalam bidang kemahiran yang dianggap kurang peluang kerjaya.
- vi) Membuka ruang pemikiran terhadap masa depan bidang kemahiran yang dipelajari di kalangan pelatih apabila tamat pengajian kelak.

## **Batasan Kajian**

Tumpuan kajian ini ialah di Institut Kemahiran Mara di Negeri Kedah. Kajian ini dilakukan dengan cara mengumpul data yang diperolehi daripada institut.

Data-data yang dikumpul akan dianalisis untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan dan dikenali sebagai menganalisis dokumen. Kajian ini dilakukan pada kursus sijil kemahiran yang dijalankan di Institut Kemahiran Mara terpilih dalam jangkamasa 24 hingga 36 bulan mengikut jenis kursus.

Batasan kajian ini ialah pelatih-pelatih di Institut Kemahiran Mara di Negeri Kedah yang berumur 17 ke atas yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya kepada mereka yang hanya mempunyai kelayakan akademik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).

Kajian ini juga untuk mengenalpasti latihan-latihan yang dijalankan di Institut Kemahiran Mara bagi melahirkan pelatih yang berkemahiran dan dapat memenuhi kehendak sektor pekerjaan masa sekarang.

## **METODOLOGI**

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian tidak digunakan dalam kajian ini kerana penyelidik hanya menggunakan data-data yang diperolehi daripada tempat kajian.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini hanya menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penelitian dokumen yang diterima daripada Institut Kemahiran Mara, jurnal dan petikan dari artikel yang telah disahkan oleh pihak IKM yang dilakukan berdasarkan kepada persoalan kajian.

Dokumen ialah maklumat sedia ada yang mudah diperolehi oleh para penyelidik yang meliputi pelbagai bahan bertulis, visual dan fizikal yang sesuai dengan kajian yang dilakukan. Ia juga meliputi semua bentuk data yang tidak diperolehi melalui temubual dan pemerhatian. Menurut Merriam (1998), dokumen membolehkan pengkaji mendapat maklumat melalui bahan bertulis, boleh diperolehi dan digunakan dengan mudah dan tidak memerlukan masa yang panjang dan dokumen juga mengandungi segala bentuk maklumat yang penting yang telah digabungjalinkan ke dalam satu bahan bertulis ataupun bercetak.

Walaupun terdapat juga dokumen yang tidak lagi sesuai dan kadangkala maklumat yang terkandung di dalamnya tidak lengkap. Bagi memastikan dokumen yang terkini diperolehi, dokumen mestilah diperolehi daripada pihak yang bertanggungjawab di institusi itu sendiri ataupun dokumen tersebut mendapat cadangan daripadanya dan bukannya mengambil dari sumber lain. Bagi memastikan juga dokumen mudah diperolehi satu surat rasmi memohon penggunaan dokumen tersebut akan ditunjukkan kepada pihak yang terlibat.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini berdasarkan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi dari dua buah Institut Kemahiran Mara yang terpilih di Negeri Kedah. Data yang diperolehi adalah seperti maklumat kursus, golongan yang terlibat, prospek kerjaya dan aspek latihan kemahiran yang dijalankan.

## **Analisis Data**

Data dan maklumat yang diperolehi hasil daripada penelitian terhadap dokumen dianalisis secara manual. Data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan soalan kajian. Analisis data menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif. Dapatan-dapatan ini diolah dan dibuat kesimpulan dengan membuat penelitian yang jitu supaya dapatan tersebut menggambarkan keadaan yang sebenar.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan persoalan kajian mengenai jenis kursus kemahiran yang ditawarkan, kajian mendapati bahawa terdapat 15 jenis kursus yang ditawarkan di IKM yang dipilih. 73.3% daripadanya adalah dari IKM Sungai Petani dan 26.7% lagi dari IKM Alor Setar. Didapati juga kursus-kursus kemahiran yang didedahkan terdiri daripada 2 jenis iaitu majoriti 60% daripadanya ialah kursus sijil teknologi dan diikuti 40% kursus sijil kejuruteraan yang mana tempoh latihannya antara 24 bulan hingga 36 bulan dan kursus latihan 2 bulan bagi pelatih yang bekerja di Petronas Malaysia.

Pada keseluruhannya, IKM yang dipilih masing-masing menawarkan 4 dan 11 jenis kursus kemahiran mengikut kesesuaian dan keperluan industri pada masa kini. IKM Alor Setar menawarkan kursus sijil teknologi yang lebih kepada sektor pembinaan sementara IKM Sungai Petani pula menawarkan kursus Sijil teknologi dan Sijil Kejuruteraan dalam pelbagai bidang Teknikal. Bagi IKM Alor Setar, kursus-kursus yang ditawarkan telah berjaya menarik ramai belia bumiputera untuk memperoleh kemahiran dalam bidang pembinaan bangunan. Ini terbukti dengan kursus Sijil Teknologi Senibina dan bangunan yang paling mendapat sambutan di kalangan pelatih. Sebanyak 158 orang pelatih iaitu 52.2% mengikuti kursus ini.

Bagi IKM Sungai Petani pula ledakan perkembangan teknologi elektronik yang pesat pada masa kini menjadikan kursus-kursus yang ditawarkan mendapat sambutan bagi pelatih-pelatih untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tersebut. Ini kerana kursus yang ditawarkan untuk belia lepasan SPM dan SPMV iaitu kursus Sijil Kejuruteraan Elektrik Kuasa dan Sijil kejuruteraan Elektrik (Domestik dan Industri) merupakan kursus yang paling popular iaitu sebanyak 207 orang pelatih iaitu 23.7% yang mengikutinya. Begitu juga dengan kursus peringkat sijil iaitu kursus Sijil Teknologi Upholstri Industri dan Hiasan Dalaman. Didapati kursus ini mendapat sambutan kedua tertinggi iaitu sebanyak 102 orang iaitu 11.7% daripada kursus-kursus sijil teknologi yang lain.

Begitu juga dengan kursus yang ditawarkan dengan kerjasama syarikat yang mahukan bakal pekerja mereka mengikuti latihan kemahiran yang sepatutnya agar mereka lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam kerjaya yang diceburi. Latihan kemahiran yang ditawarkan di IKM ini berjaya menyediakan kemahiran dan dapat meningkatkan kualiti bakal pekerja terutamanya Petronas Malaysia di mana sebanyak 48 orang pelatih mengikuti kursus ini pada tahun 2008. Kursus-kursus yang melibatkan kemahiran teknikal adalah perlu pada masa kini kerana kemahiran ini memudahkan membuat kerja, boleh berkomunikasi dengan baik dan celik teknologi maklumat (IT). Ini kerana majikan memerlukan pekerja yang berilmu pengetahuan atau *K-worker*.

Mengikuti kursus yang boleh menjanjikan pekerjaan yang baik merupakan satu peluang yang seharusnya tidak boleh dilepaskan oleh para pelatih pada masa ini. Menurut Mangun (1995) dalam Noor Asman (1998), seandainya kita mahu memperoleh kedudukan yang baik dalam pasaran kerja sekarang, kita mesti menyesuaikan diri serta mengikut kehendak pasaran kerja dan hendaklah mempunyai pendidikan yang terkini. Justeru itu adalah diharapkan supaya kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelatih di institusi kemahiran benar-benar dapat memberikan faedah kepada mereka untuk digunakan sepenuhnya pengalaman kemahiran yang diperolehi apabila memasuki ke alam pekerjaan.

Apabila memperkatakan tentang keperluan pelatih terhadap kemahiran, ianya menjana kepada belia bumiputera lelaki dan wanita. Bagi persoalan kajian yang seterusnya iaitu kalangan golongan yang terlibat dalam kursus yang ditawarkan, kajian mendapati bahawa bilangan pelatih lelaki lebih tinggi berbanding pelatih wanita iaitu 70.1% terdiri daripada kalangan pelatih lelaki dan 29.9% terdiri daripada pelatih perempuan. Bagi IKM Alor Setar juga golongan pelatih lelaki lebih ramai iaitu 66.7% berbanding pelatih perempuan sebanyak 33.3%. Begitu juga IKM Sungai petani sebanyak 71.3% golongan pelatih lelaki manakala 28.7% golongan pelatih perempuan. Dapatan ini bertepatan dengan kenyataan Chek Mat (2000) bahawa kebanyakan belia yang menjalani kursus di pusat-pusat latihan kemahiran lebih kepada belia lelaki berbanding belia wanita.

Dari segi umur pula, didapati golongan pelatih bumiputera yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun paling ramai mengikuti kursus kemahiran di IKM yang dipilih di Negeri Kedah iaitu sebanyak 97.0%. Lingkungan umur sebegini selalunya adalah mereka yang baru sahaja menamatkan alam persekolahan. Ini diikuti dengan lingkungan umur 21 hingga 23 tahun dan akhir sekali golongan pelatih yang berumur 24 tahun ke atas. Menurut Chek Mat (1999), kategori umur belia negara-negara lain di dunia berbeza mengikut kepentingan masing-masing. Bagi pelaksanaan program-program yang melibatkan belia di negara ini ditumpukan terhadap mereka yang berusia 18 hingga 25 tahun.

Didapati juga, golongan belia bumiputera yang mempunyai kelulusan SPM dan SPMV yang paling ramai memohon dan mengikuti kursus kemahiran di IKM yang dipilih iaitu sebanyak 95.6% berbanding yang berkelulusan Sijil Giat Mara atau PMR. Ini selari dengan kenyataan Yahya dan Haizuan (2001), bahawa pelatih yang mendapat kelulusan yang sederhana di peringkat SPM boleh memohon untuk mengikuti latihan di institusi latihan kemahiran yang menawarkan pelbagai bidang kemahiran.

Bidang latihan kemahiran ini sebenarnya bukan sahaja layak diikuti oleh golongan yang telah dewasa tetapi juga boleh diikuti oleh golongan yang kurang cemerlang dalam akademik terutamanya yang tidak cemerlang dalam SPM. Ini selaras dengan kenyataan Mohd. Yahya dan Muhammad Haizuan (2001), pelatih yang mendapat kelulusan yang sederhana di peringkat SPM atau SPMV boleh memohon untuk mengikuti latihan di institusi latihan kemahiran yang menawarkan pelbagai bidang kemahiran. Dengan berbekalkan sijil kemahiran tersebut, ia dapat memudahkan pelatih tersebut mencari dan mendapat pekerjaan berbentuk kemahiran di bidang berkaitan dengan kelulusan pelatih.

IKM ini juga memberikan latihan pekerjaan dari pelbagai sektor industri untuk mendapatkan latihan dan kemahiran dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam kerjaya terutamanya dalam latihan kemahiran dan teknikal. Hasil kajian mendapati seramai 48 orang pelatih telah mengikuti kursus latihan dengan kerjasama Petronas Malaysia. Menurut Ibrahim (2001), tujuan program latihan diadakan ialah untuk memenuhi matlamat organisasi melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap kakitangan. Pegangan teguh kepada konsep akan memfokuskan aktiviti latihan dalam sesebuah organisasi kepada aktiviti yang benar-benar dapat mempertingkatkan prestasi kakitangan.

Dari segi prospek pekerjaan para pelatih, didapati 63.7% pelatih IKM telah berjaya mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai sektor pekerjaan iaitu, sebanyak 51.1% menempatkan diri di sektor swasta diikuti oleh pelatih yang memperoleh kerjaya di sektor kerajaan iaitu sebanyak 12.6% bagi tahun 2008. Kajian ini juga mendapati terdapat lepasan daripada IKM ini yang mempunyai inisiatif sendiri untuk berdikari dengan membuka pemiagaan sendiri iaitu sebanyak 9.1%. Dapatan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Faizah (2004) mengenai persoalan yang ditujukan kepada responden mengenai menjalankan pemiagaan sendiri menunjukkan 67.5% daripada mereka berminat untuk membuka pemiagaan sendiri apabila tamat menjalani latihan di Institut Kemahiran Mara.

Dapatan ini juga dapat menunjukkan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan di IKM dapat memenuhi pasaran pekerjaan di pelbagai sektor yang sedang berkembang. Namun begitu terdapat juga lepasan IKM

yang masih menganggur dan masih berusaha untuk mendapatkan kerjaya yang bersesuaian dengan mereka. Ini kerana terdapat persaingan daripada pelatih-pelatih lain dari pelbagai institusi kemahiran atau pun pekerja asing yang upah mereka lebih rendah berbanding dengan pekerja tempatan (Faizah, 2004). Selaras dengan kenyataan Chek Mat (2000), pelatih-pelatih yang keluar dari institusi latihan kemahiran juga menghadapi masalah untuk mendapatkan tempat bekerja yang sesuai dengan bidang latihan yang diikuti.

Kajian ini juga mendapati bahawa latihan kemahiran yang didedahkan kepada pelatih-pelatih di IKM memenuhi kehendak pekerjaan. Ini berdasarkan peratusan pelatih lepasan IKM yang berjaya menempatkan diri di sektor awam, sektor swasta dan bidang perniagaan iaitu sebanyak 72.8% pada tahun 2008. Ini menunjukkan bahawa latihan-latihan yang diberikan sepanjang pelatih-pelatih ini mendapatkan kemahiran di IKM turut menepati keperluan di industri dan di sektor pekerjaan pada masa kini. Menurut Ibrahim (2001), program latihan yang berkesan ialah satu program yang dapat dimanfaatkan oleh peserta secara maksimum. Ini bermaksud apa yang mereka pelajari semasa berkursus dapat dipraktikkan sepenuhnya di tempat mereka bekerja. Ini ditegaskan oleh Ruhanie Ahmad (1999), Majlis Amanah Rakyat (MARA) sentiasa meningkatkan mutu kurikulum pusat-pusat latihan kemahiran yang juga bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir terutama di kalangan bumiputera sesuai dengan perkembangan pesat industri. Kenyataan ini ditegaskan oleh Kandan (2001), semua program latihan kemahiran MARA telah disusun mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang diselaraskan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Ini menunjukkan bahawa sijil yang dikeluarkan oleh Institut Kemahiran Mara telah diakui oleh MLVK telah memenuhi ciri-ciri ketrampilan yang dikehendaki.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa keperluan sumber tenaga manusia bagi negara adalah amat diperlukan bagi menjayakan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam perindustrian. Dengan itu adalah diharapkan supaya latihan yang dibekalkan di IKM dapat membekalkan tenaga kerja yang berkemahiran. Latihan yang disediakan di institusi kemahiran yang lain lebih menekankan kepada usaha membentuk pelatih sebagai pekerja mahir atau separuh mahir bagi membolehkan mereka memasuki pasaran tenaga kerja yang lebih mencabar akibat perubahan teknologi yang lebih canggih ataupun menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan industri kecil dan sederhana (Chek Mat, 2000).

Melalui latihan-latihan yang didedahkan kepada pelatih-pelatih, kajian mendapati latihan tersebut bersesuaian serta dapat memenuhi kehendak pekerjaan berdasarkan penerimaan dari pelbagai sektor dan latihan yang berterusan yang diberikan kepada pekerja-pekerja bagi meningkatkan kemahiran melalui Latihan di IKM. Hasil kajian daripada Ajazi (2002) mengenai program latihan kemahiran vokasional di PUSTIKA (Pusat Latihan KEDA) mendapati bahawa program latihan kemahiran vokasional adalah berkesan dan perlu diteruskan kerana ianya telah menunjukkan hasil yang baik dan dapat menyediakan pelatih suatu pengetahuan, kemahiran dan budaya kerja yang baik serta cemerlang yang akan dapat diaplikasikan di dalam kerja mereka. Sekiranya ini dapat dicapai, maka ia akan selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang dihormati, disegani serta maju seantero dunia menjelang 2020.

## RUMUSAN

Kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di Institut Kemahiran Mara telah berjaya menarik minat para belia bumiputera untuk mengikutinya terutamanya belia lelaki. Di mana kursus-kursus ini boleh menjamin dan menjanjikan pekerjaan yang baik kepada mereka. Ini kerana kursus-kursus yang ditawarkan tidak hanya melibatkan amali sahaja bahkan diberi pendedahan dalam bidang teori juga. Selain daripada itu, kursus-kursus di Institut Kemahiran Mara ini adalah sebahagian daripada alternatif kepada para pelatih yang mahukan kebebasan untuk mendapatkan latihan kemahiran mengikut bidang yang diminati. Kursus-kursus yang ditawarkan mampu melahirkan tenaga kerja yang berkualiti setanding dengan IPTA dan IPTS yang lain. Kursus-kursus yang didedahkan dapat dijadikan asas untuk mendapatkan pekerjaan. Kebanyakan kursus-kursus yang ada adalah bersesuaian dengan kehendak industri kini.

Kajian ini mendapati ramai golongan pelatih yang mengikuti kursus di Institut Kemahiran Mara kebanyakannya adalah dari golongan belia bumiputera lepasan SPM dan SPMV. Peringkat umur seperti mereka memang patut diberi latihan dan kemahiran dalam pelbagai bidang supaya mereka tidak mengabaikan masa dan mengelakkan mereka daripada terjebak ke dalam gejala sosial yang tidak menguntungkan. Ini dapat memantapkan mereka untuk menempuh alam pekerjaan yang sebenar.

Hasil kajian ini juga mendapati pelatih yang menamatkan kursus di Institut Kemahiran Mara ditempatkan di sektor awam dan swasta terutama di industri perkilangan, permotoran, pembinaan dan lain-lain industri yang berkaitan dengan bidang kursus yang diikuti. Selain itu ada juga sebilangan kecil pelatih menceburkan diri dalam bidang peniagaan atau keusahawanan. Sektor perindustrian mengutamakan tenaga kerja yang berkemahiran untuk dilantik ke sesuatu jawatan disamping kemahiran yang baik untuk melaksanakan sesuatu tugas. Ada juga permintaan daripada sektor perindustrian yang mahukan lepasan pelatih daripada Institut Kemahiran Mara ini untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka walaupun pelatih-pelatih ini masih lagi dalam berkursus (Samsuri, 2005). Ini menunjukkan bahawa pelatih-pelatih yang mengikuti kursus-kursus kemahiran amat diperlukan dalam sektor pekerjaan.

Kursus-kursus yang dijalankan di Institut Kemahiran Mara mampu menjana pertumbuhan ekonomi. Kursus-kursus seperti ini banyak melahirkan tenaga kerja yang berpotensi kerana mereka telah didedahkan dengan latihan-latihan yang berkaitan untuk lebih maju dalam membina kerjaya terutamanya dalam sektor awam dan sektor swasta. Ini kerana latihan kemahiran yang didedahkan adalah bersesuaian dengan perkembangan industri masa kini. Kelebihan ini jugalah memberikan peluang kepada pelatih yang berpotensi untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka dengan mengikut program pendidikan yang lebih tinggi untuk diserapkan ke jawatan yang lebih baik. Besar peranan kursus-kursus seperti ini kerana ia membawa titik permulaan sesuatu kerjaya itu kepada pelatih-pelatih khususnya belia lepasan sekolah.

## RUJUKAN

- Abd Jabar Husain (1994) "*Satu Tinjauan Mengenai Kesesuaian Latihan Kemahiran Vokasional Di Pusat Serenti Daerah Muar Dengan Keperluan Sektor Perindustrian*". Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ajazi Mhd. Bakri (2002). "*Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Vokasional Di Pusat Latihan Keda (PUSTIKA)*". Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia..
- Arifin Zainal (1985). "*Pekerja Dan Pekerjaan: Pendekatan Psikologi Personel*." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Awang Muhammad (1999). "*Hala Tuju Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Elektrik (Domestik dan Industri), selepas tamat pengajian Di Institut Kemahiran MARA*." Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz Jafary Dan Rosmah Othman (2000). *Berita Dagang: Lidah Rasmi Dewan Pemiagaan Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pemiagaan Melayu Malaysia.
- Beri Peluang Kerja Kepada Golongan Kurang Upaya. (2004, September 6). Utusan Malaysia
- Buck, LL.& Banick, R.K. (1987). They're Trained, But Are They Employable? Vocational Education Journal. 6215. m.s. 29 – 31
- Chek Mat (2000). "Pengurusan Kerjaya." Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Demi Kesejahteraan Rakyat. (2008, Ogos 30). Utusan Malaysia.
- Faizah Sharip (2004). "*Aspirasi Pekerjaan Para Pelatih Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru Terhadap Latihan Yang Diikuti*." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Fong Chan Onn (2001), *Ucapan Sempena Majlis Penubuhan Pembangunan Sumber Manusia Berhad*. Kuala Lumpur : Kementerian Sumber Manusia
- Ibrahim Mamat (2001). "*Rekabentuk Dan Pengurusan Latihan: Konsep Dan Arnaian*." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Hassan (1987). *Kertas Kerja Bertajuk: isu-isu Dalam Perancangan @ Kurikulum Pendidikan Teknik Dan Vokasional*. Kuala Lumpur:
- Kamus Dewan (2002). Edisi Ketiga . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kandan Saikon (2001). "Latihan Kemahiran Bukan Pilihan Kedua". Berita Harian, 23 April, p. 8. Kerajaan Beri Keutamaan Kepada Pembangunan Modal Insan. (2008, Ogos 29). Bername